



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KERTAS KERJA

*Sorotan Kesultanan Melayu Memayungi Agama,
Negara dan Rakyat*

Disediakan oleh:

Y.Bhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim
Fakulti Sejarah, Universiti Malaya.

**25 JANUARI 2016M (ISNIN)
15 Rabiulakhir 1437H**

AMAN JAYA CONVENTION CENTRE
CASUARINA@MERU
BANDAR MERU RAYA
IPOH, PERAK



SOROTAN KESULTANAN MELAYU
MEYANYUNGI AGAMA, NEGARA DAN RAKYAT

Prof. Khoo Kay Kim

Tidak dapat dipastikan bilakah institusi Kesultanan mula-mula sekali diasaskan di Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan Kedah dipercayai sudah wujud pada awal abad ke-12 T.M. (mungkin tahun 1136). Tetapi kemunculan Kesultanan Melaka, pada penghujung abad ke-14 T.M., merupakan detik yang sangat penting dalam tradisi sistem kesultanan di Tanah Melayu. Pada tahun 1477, Kedah memohon penggunaan **nobat** Melaka. Beberapa abad kemudian; menjelang penubuhan Tanah Melayu sebagai negara bangsa, Tunku Abdul Raham (Ketua Menteri selepas pilihanraya perseutuan yang pertama pada tahun 1955) telah memohon agar nobat Kedah (yang berasal dari Melaka) dapat digunakan oleh Yang di-Pertuan Agung yang akan dilantik lima tahun sekali apabila wujudnya Tanah Melayu sebagai negara bangsa.

Sistem kesultanan di Tanah Melayu yang bermula di Melaka kekal sehingga sekarang walau pun mulai penghujung abad ke-19, pihak British memperkenalkan pindaan kepada sistem pentadbiran di apa yang disebutkan sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Perlu diperhatikan kehadiran British bukan bererti tradisi agung masyarakat Melayu telah diubah.

Sir Hugh Clifford yang mula berkhidmat sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Naungan berkata, pada awal tahun 1927, dalam ucapan pertamanya di Majlis Persekutuan, bahawa:

They [kerajaan Melayu] were, they are and they must remain Malay states. These states were when our co-operation in government was first invited, Mohamedan monarchies [kesultanan] and such they are today. We have neither the right nor the desire to vary this system of government.

Maka selanjutnya, pihak British tidak mengubah "system of government [pemerintahan]" hanya "system of administration [pentadbiran]"; dan sistem pentadbiran yang diwujudkan adalah lebih kurang sama dengan sistem demokrasi berparlimen di Britain yang juga mempunyai sistem monarki.

Ramai orang masih tidak faham bahawa secara *de jure* (menurut undang-undang), Britain tidak menjajah kerajaan-kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam bidang undang-undang, memang ada dua keadaan - satu dikenali sebagai *de jure* dan satu lagi, *de facto*. Harus disebutkan bahawa di India dan Burma (Myanmar), pihak British telah menjajah dua negara tersebut dan, dengan beransur-ansur, sistem beraja dimansuhkan. Tetapi di Semenanjung Tanah Melayu, pihak British telah berusaha bukan hanya untuk mengekalikan sistem kesultanan/kerajaan malah mereka telah mencari ikhtiar untuk menyesuaikan sistem yang tradisional itu dengan amalan baru sehingga, pada zaman sekarang, pada hal, di seluruh dunia tiada negara ada dua orang Raja, Malaysia ada sembilan; dan sembilan kesultanan/kerajaan itu telah wujud sejak tahun 1895.

Yang sangat penting juga ialah peristiwa di mana, pada tahun 1477, kerajaan Kedah telah memohon agar **nobat** Melaka dapat digunakan oleh Raja di Kedah. Berapa abad kemudian, bila Tanah Melayu bersedia menjadi sebuah negara bangsa, iaitu menjelang 31 Ogos, 1957, Tunku Abdul Rahman (waktu itu Ketua Menteri Tanah Melayu selepas pilihanraya persekutuan yang pertama, pada tahun tahun 1955) telah memohon agar **nobat** Kedah (yang berasasl dari Melaka) digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pada awal 1920an, seorang wartawan (W.Robert Foran) dari Amerika telah melawat kawasan Gugusan Kepulauan Melayu. Bila beliau kembali ke Amerika, beliau telah menerbitkan sebuah buku yang diberi jodol *Malayan Symphony*. Dalam buku itu beliau kata:

Singapore is the New York of Malaya; Kuala Lumpur
is the Washington of Malaya; Ipoh is the hub of Malaya;
and Malacca is the 'Mother of Malaya'.

Melaka dianggap begitu penting kerana sistem kesultanan bermula di Melaka dan menurut tradisi agung kerabat diraja di Tanah Melayu, Melaka diasaskan oleh

Parameswara, seorang keturunan dari kerabat diraja Sriwijaya (Sumatra); Sriwijaya pula adalah kerajaan yang diasaskan oleh keturunan **Iskandar Zulkarnain** yang waktu itu memerintah suatu kawasan di India, berhampiran dengan Sungai Ganges. Justeru itu daulat Sultan Melaka adalah berasal dari Iskandar Zulkarnain.

Kemudian keturunan kerabat diraja Melaka, secara langsung dan tidak langsung, memainkan peranan penting menubuhkan berbagai kesultanan di Semenanjung Tanah Melayu: mula-mula Pahang Lama (1470), kemudian Perak (1528), Johor Lama (1530), Terengganu (1708), Negeri Sembilan (awal abad ke-18 tetapi tak jelas tahun bila), Selangor (1766) dan Kelantan (1800).

Keadaan di Negeri Sembilan memerlukan sedikit penjelasan. Pada suatu ketika negeri sembilan adalah tanah jajahan takluk Johor Lama. Tetapi, bila Sultan Mahmud mangkat dijulang (pada tahun 1699), dan Sultan Mahmud tiada putera maka Bendahara Abdul Jalil dinaikkan status kepada Sultan Abdul Jalil. Raja Kecil dari Negeri Sembilan tidak menerima keadaan itu; beliau menuntut bahawa beliau adalah putera sah Sultan Mahmud. Hanya beliau lahir setelah kemangkatan Sultan Mahmud. Perselisihan berlaku sehingga 1821. Raja Kecil waktu itu berjaya membunuh Sultan Abdul Jalil di Kuala Pahang.

Akibat perselisihan itu, Negeri Sembilan yang dahulunya merupakan tanah jajahan Johor Lama telah merapatkan diri dengan Pagar Ruyong di Sumatra, tempat asal orang Minangkabau. Kemudian, pada awal abad ke-18, Raja Melewar dari Pagar Ruyong telah dijemput untuk menjadi Raja di Negeri Sembilan. Kemudian, gelaran Raja di Negeri Sembilan ditetapkan sebagai Yang di-Pertuan Besar atau Yamtuan Besar.

Hanya dua kerajaan mempunyai latar belakang sejarah yang berlainan. Perlis muncul sebagai kerajaan pada tahun 1842. Keadaan di Kedah kucar-kacir pada tahun 1821 bila kerajaan Siam menakluki Kedah; 90% penduduk Kedah telah meninggalkan Kedah. Ramai berhijrah ke Pulau Pinang dan Perak utara. Bila Siam berundur 20 tahun kemudian, Perlis, sebuah tanah jajahan Kedah, telah dinaikkan taraf kepada kerajaan maka daulat Perlis adalah dari Siam.

Hampir setengah abad kemudian, waktu Johor di Semenanjung Tanah Melayu sedang diperintah oleh Maharaja Abu Bakar, hubungan di antara Johor dengan Britain

semakin rapat maka pada tahun 1885, Queen Victoria (Britain) telah menaikkan status Maharaja Abu Bakar ke Sultan Abu Bakar. Sebelum itu, pada tahun 1882, di Pahang sebuah kesultanan yang baru telah diasaskan. Selaras dengan tradisi agung kerabat diraja Melayu, Bendahara Wan Ahmad di Pahang telah dinaikkan status kepada Sultan.

Walau pun berdasarkan perjanjian atau persetiaan -- apa yang biasa disebutkan sebagai **Pangkor Treaty** (sebenarnya yang lebih tepat ialah **Pangkor Engagement**) -- di antara Raja Abdullah dengan pihak British, pada tahun 1874, Residen British, dan kemudian Penasihat British juga, diberi hak untuk membuat keputusan dalam sektor pentadbiran, kedudukan Sultan atau Raja sebagai ketua kesultanan/kerajaan ditetapkan. *Resident* atau *Advisor* tidak boleh membuat keputusan dengan tidak merujuk kepada Sultan walau pun Sultan atau Raja dikehendaki menerima nasihat Residen atau Penasihat. Tetapi kalau ada masalah, Sultan atau Raja boleh merujuk kepada Pejabat Kolonial yang bertanggungjawab melantik Residen atau Penasihat.

Pihak British sangat faham akan sistem kesultanan yang wujud sebelum mereka mula terlibat di dalam hal ehwal kesultanan/kerajaan Melayu. Salah seorang pegawai British yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang masyarakat Melayu ialah Frank Swettenham yang telah belajar Bahasa Melayu dan kemudian dapat bertutur dalam Bahasa Melayu seperti orang Melayu. Dari awal lagi, beliau memberitahu orang ramai melalui bukunya *British Malaya* (tahun 1908) bahawa pada umumnya orang Melayu adalah "nature's gentlemen" tetapi tanpa Sultan atau Raja "the Malays will be just a mob".

Justeru itu pihak British memang faham bahawa, dalam masyarakat Melayu tradisi, orang Melayu telah disedarkan bahawa "di mana bumi dipijak, di sana langit di junjung"; dan kalau mereka tidak tunduk kepada Raja, mereka akan "ditimpa daulat". Di samping itu, suatu perkara lagi yang sangat penting ialah "tanah adalah kepunyaan Raja"; lebih daripada itu, Raja juga, pada hakikatnya, merupakan pedagang utama di kesultanan atau kerajaan diri sendiri. Hanya Sultan atau Raja biasanya tidak melibatkan diri secara langsung di dalam perdagangan. Ada orang perseorangan

(termasuk orang asing: orang India dan orang Cina, misalnya) dilantik sebagai "Saudagar Raja".

Ramai orang walau bagaimana pun, pada zaman sekarang, tidak tahu bahawa tuduhan oleh setengah pihak bahawa, pada umumnya, Sultan atau Raja juga tidak lebih daripada "pirates" (lanun), adalah tidak benar. Undang-undang British, pada abad ke-19 lagi, sudah menetapkan apa yang dimaksudkan oleh istilah "piracy". Jenayah itu hanya dapat dilakukan di kawasan laut (*territorial waters*) **lebih** daripada tiga batu (*miles*) dari pantai, iaitu di **kawasan tiada bertuan** ("no man's territory"). Kawasan laut (*territorial waters*) yang berhampiran dengan sesebuah kerajaan adalah hak Raja maka Raja boleh menyerang sebarang kapal yang lalu kalau pihak yang berkenaan tidak membayar tol. Itu tidak boleh dianggap *piracy*.

Berasaskan pengalaman mereka di India yang sudah jadi tanah jajahan British semasa pihak British terlibat di dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu, pihak British yakin kalau agama Islam dan adat istiadat Melayu dikekalkan, juga kedudukan Sultan atau Raja sebagai *Sovereign Rulers* (Raja Berdaulat) dipelihara, masyarakat Melayu tidak akan menjadi kucar kacir. Tetapi kemudian campurtangan British di dalam hal ehwal pentadbiran telah mengganggu kuasa para pembesar; ini mengakibatkan tindakan kebangkitan menentang pihak British. Bagi British itu ditafsirkan sebagai "derhaka" kerana kehadiran British adalah berdasarkan perjanjian/persetiaan di antara Sultan/Raja dengan kerajaan British.

Perlu diulangi apakah syarat-syarat yang terpenting di dalam perjanjian/persetiaan di antara Sultan/Raja Melayu dengan pihak British. Yang utama ialah kehadiran British bukan sebagai pemerintah tetapi sebagai pelindung. Kedaulatan (*sovereignty*) Sultan/Raja tetap dipelihara.

Keadaan di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, daerah Dinding, Melaka dan Singapura) memang berbeza. Pada tahun 1867, Negeri-negeri Selat telah dijadikan Tanah Jajahan British; serentak dengan itu, Majlis Perundangan telah ditubuhkan. Tetapi, pada tahun 1896, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dijadikan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dikatégorikan sebagai **Negeri-negeri Melayu Naungan**. Lagi pun

Majlis Persekutuan yang ditubuhkan pada tahun 1909 bukan badan perundangan, hanya badan penasihat. Di setiap kerajaan, Majlis Negeri diketuai oleh Raja. Pihak British juga menubuhkan **Durbar** (Majlis Raja-Raja) pada tahun 1897 dan majlis ini lebih tinggi daripada Majlis Negeri yang telah wujud di setiap kerajaan pada penghujung abad ke-19.

Suatu aspek lagi yang sangat penting ialah, dalam semua perjanjian/persetiaan, pihak British tidak dibenarkan campurtangan dalam *agama Islam dan adat istiadat Melayu*. Sebenarnya, lebih awal daripada itu, bila agama Kristian mula berkembang di kalangan penduduk bukan Melayu, pada awal abad ke-19, pihak British sudah memberitahu badan gereja Kristian bahawa mereka tidak dibenarkan menyibarkan agama Kristian di kalangan penduduk Melayu.

Suatu lagi tindakan British yang berkekalan hingga sekarang ialah tafsiran istilah 'Melayu'. Pada tahun 1910, harga getah telah melambung naik. Ramai orang asing datang ke Tanah Melayu untuk membeli tanah guna membuka ladang getah. Pihak British takut banyak tanah di Tanah Melayu akan menjadi milik orang asing maka pada tahun 1913, pihak Majlis Persekutuan meluluskan undang-undang *Malay Land Reservation Enactment* yang menetapkan kawasan-kawasan tertentu di negeri-negeri Melayu yang hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu. Di samping itu, buat kali pertama tafsiran 'Melayu' ditetapkan: "A Malay must be a Muslim, speaks Malay habitually and practises Malay custom." Tafsiran ini kekal sehingga sekarang. Ternyata ada tiga aspek yang paling penting dalam tafsiran itu: agama, bahasa Melayu dan adat istiadat Melayu.

Mulai tahun 1915, setelah kebangkitan menentang British berlaku di Kelantan dan, selepas keadaan ditenangkan, pihak British telah menggalakkan penubuhan Lembaga Agama dan Adat Istiadat Melayu. Ini juga berlaku di Singapura di mana, pada tahun 1915 juga, telah berlaku "Sepoy Mutiny". Yang bertanggungjawab ialah golongan Pathan (Pashtun) di dalam pasukan Sepai India yang bertempat di Singapura maka di Singapura juga, lepas keadaan ditenangkan, pihak British seterusnya menubukan apa yang dikenali sebagai "the Muhammadan Advisory Board". Kemudian di setiap kerajaan serta di Pulau Pinang dan Melaka juga ada badan-badan ditubuhkan untuk menguruskan agama dan adat istiadat Melayu. Di samping itu sekolah Melayu juga dibuka di merata

tempat untuk menjamin Bahasa Melayu dapat dikembangkan. Semua pegawai tadbir British dikehendaki lulus peperiksaan dalam Bahasa Melayu.

Kerana sistem kerajaan tradisional dianggap begitu penting maka walau pun, demi kepentingan kemajusan ekonomi, sistem pentadbiran moden yang bersifit Barat perlu diperkenalkan, pada tahun 1910, iaitu sebelum pihak British dapat mewujudkan sistem Penasihat di Kelantan, Johor dan Terengganu, sebuah sekolah: *Malay College*, telah ditubuhkan di Kuala Kangsar, khususnya untuk membolehkan kerabat diraja Melayu mendapat latihan dalam bidang pentadbiran moden bagi menjamin agar, pada masa hadapan, keluarga kerabat diraja akan seterusnya memikul pemerintahan dan pentadbiran Tanah Melayu.

Selanjutnya, ditubuhkan juga *Malay Administrative Service* (MAS) yang membolehkan pemuda Melayu dari golongan atasan mendapat latihan untuk memikul tanggungjawab dalam sektor pentadbiran negeri-negeri Melayu. Dua orang pertama yang dihantar ke Raffles Institution di Singapura ialah Raja Mansur dan Raja Chulan, putera Sultan Abdullah yang telah dihantar buat sementara (dalam Bahasa Inggeris *exile* bukan *banish*) ke Pulau Seychelles, selepas kes pemunuhan J.W.W.Birch, Residen Perak yang pertama.

Kemudian di Seychelles lahirlah Raja Said Tauphy, putera bongsu Sultan Abdullah. Pada masa Perang Dunia I, ramai pegawai tadbir British ditarik balek ke England untuk berkhidmat di sana. Di Tanah Melayu, pihak British terpaksa bergantung kepada pegawai MAS untuk menguruskan pentadbiran. Prestasi pegawai MAS begitu cemerlang hingga pihak British dengan serta merta membuat keputusan akan, dengan beransur-ansur, menyerap pegawai MAS ke dalam *Malayan Civil Service* (MCS) yang, sehingga masa itu, terbuka kepada hanya pegawai British. Orang Melayu yang pertama sekali dilantik sebagai pegawai MCS, pada tahun 1919, adalah Raja Said Tauphy yang, pada tahun 1924, telah juga dilantik sebagai Pengurus, *Larut and Matang Sanitary Board*.

Tentang perkembangan sistem pentadbiran moden, dari awal lagi pihak British telah memperkenalkan sistem pengasingan kuasa di negeri-negeri Melayu, iaitu sistem yang

terdiri daripada tiga bahagian: **perundangan, eksekutif dan kehakiman**. Setiap bahagian mempunyai tugas yang tunggal. Ini disebutkan sebagai Sistem Pengasingan Kuasa: bahagian perundangan mempunyai tugas meluluskan undang-undang; bahagian eksekutif dikehendaki menguatkuaskan undang-undang yang telah diluluskan; dan kalau timbul masalah tentang tafsiran undang-undang, hanya bahagian kehakiman sahaja ada hak membuat takfsiran.

Perlu diperhatikan berikutan sistem pentadbiran British diperkenalkan, pihak British mula mengambil alih keseluruhan bahagian eksekutif dan kehakiman. Bahagian perundangan yang diperkenalkan oleh pihak British memang berasaskan sistem British: ada Raja dan ada Parlimen. Walau pun pada masa itu, Parlimen belum diwujudkan di Tanah Melayu, di setiap negeri, bahagian perundangan terdiri daripada "Sultan/Raja dan Majlis Negeri". Menurut, undang-undang, itu bererti kedaulatan masih ada pada Sultan/Raja. Majlis tidak boleh membuat keputusan sebelum merujuk kepada Raja.

Apabila pihak British telah berhasil mengambil alih sistem pentadbiran di Semenanjung Tanah Melayu (yang akhir sekali menerima sistem pentadbiran British ialah Terengganu; pada tahun 1919, semasa Perang Dunia I telah tamat), suatu masalah rumit yang perlu diatasi ialah tiadanya perpaduan di antara semilan kesultanan/kerajaan, juga keadaan wujudnya masyarakat berbilang kaum.

Ternyata apa yang disebutkan sebagai "Malaya" masa itu bukan sebuah negara bangsa. Ia terdiri daripada Negeri-negeri Selat (Tanah Jajahan British), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) dan lima kesultanan/kerajaan yang bebas tetapi disebutkan secara tak rasmi sebagai Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu). Keadaan itu dianggap langsung tidak kemas dan tidak akan menyumbang kepada kemajuan dan penubuhan apa yang akan disebutkan secara rasmi sebagai "Tanah Melayu".

Pihak British pada tahun 1895 telah memperkenalkan sistem persekutuan untuk merapatkan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang kerana pentadbiran British di Pahang menghadapi masalah dari segi kewangan pada Perak dan Selangor telah begitu maju kerana kemajuan bidang bijih timah dan pertanian. Jika empat kerajaan itu

dibiarkan wujud secara bersendirian Perak dan Selangor tidak dapat membantu Pahang. Sistem Persekutuan (yang sudah diamalkan di Amerika) akan membolehkan Perak dan Selangor membantu Pahang; di samping itu kedaulatan setiap kesultan/kerajaan dapat dikekalkan. Yang dimaksudkan ialah kedudukan Sultan/Raja seharusnya tidak banyak berubah. Walau pun Sultan/Raja tidak lagi mempunyai kuasa sepenuh seperti zaman tradisi secara langsung, mereka tetap ada peranan di dalam hal ehwal pentadbiran. Para baginda masih ada tanggungjawab lain; pertama sekali, para baginda tetap merupakan lambang ketuhanan setiap kerajaan yang terletak di bawah pentadbiran British; juga hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu terserah kepada para baginda.

Itu memang aspek yang semakin penting kerana negeri-negeri Melayu semakin maju; akibatnya penduduknya sudah bertambah dengan kadar yang begitu pesat. Ramai penduduk dari tiga negara yang terbesar di benua Asia (China, India dan Hindia Timur Belanda) telah mula menetap di Tanah Melayu. Masadepan Tanah Melayu perlu diuruskan dengan berkesan. Selepas Perang Dunia I, pada waktu harga getah telah jatuh, pihak British berpendapat bahawa langkah yang berkesan perlu diambil untuk menjamin masadepan Tanah Melayu.

Keadaan memang sangat kompleks. Merapatkan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat hanya merupakan suatu masalahnya. Kedudukan Sultan/Raja juga perlu dipelihara. Sambil itu perlu juga ditimbangkan apa yang sepatutnya dilakukan untuk merapatkan penduduk berbagai kaum atau keturunan agar mereka menjadi suatu bangsa (*nationality*). Pada masa itu ada pegawai British yang mencadangkan penduduk berbagai kaum di Tanah Melayu seharus menjadi bangsa *Malayan*; maka proses itu disebutkan sebagai "Malayanisation". Istilah itu telah pun digunakan pada 1920an. Tetapi bukan semua penduduk di Tanah Melayu setuju dengan gagasan itu.

Pegawai-pegawai British yang mahu melihat Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat menjadi sebuah negara bangsa mula mengambil langkah, pada awal 1920an, untuk meyakinkan Sultan dan Raja di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu bahawa para baginda tidak akan kehilangan kuasa jika sekiranya Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu juga menjadi sebahagian daripada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kerana itu selanjut

sepuluh tahun selanjutnya, pelaksanaan dasar yang disebutkan sebagai *decentralisation*, iaitu kuasa-kuasa Sultan yang semakin berkurangan, selepas sistem persekutuan diwujudkan (kerana ada pegawai-pegawai British yang salahgunakan undang-undang), perlu dipulihkan. Tetapi sebelum dasar *decentralisation* dapat mencapai cita-citanya, Perang Dunia II telah meletus. Lebih mengelirukan lagi, pihak British dikalahkan oleh pihak Jepun.

Pada zaman Jepun, institusi Sultan/Raja masih dikenakan walau pun kedudukan para baginda sedikit sebanyak telah berubah kerana pada hal pihak British sangat mengutamakan undang-undang, pihak Jepun telah memperkenalkan dasar yang memberi kuasa penuh kepada mereka sendiri. Pada bulan Oktober 1943, pihak Jepun membenarkan kerajaan Siam menguasai semula Negeri-negeri Melayu utara pada hal kekuasaan itu telah dipindah kepada pihak British pada tahun 1909. Bukan setakat itu sahaja, pentadbiran bahagian lain Semenanjung Tanah Melayu telah digabungkan dengan Sumatra kerana, pada pendapat pihak Jepun, penduduk pribumi Sumatra dan Semenanjung Tanah Melayu adalah sama. Walau pun Jepun selalu menggunakan kekerasan waktu menjalankan pemerintahannya, mereka tidak mengambil langkah untuk membantalkan institusi Sultan/Raja.

Sebelum Perang Dunia II tamat, keadaan politik di Tanah Melayu telah banyak berubah. Gerakan komunis secara global berjaya. Itu membimbangkan pihak Amerika yang selanjutnya mengambil keputusan bahawa hanya ada suatu cara untuk menghalang kemaraan gerakan komunis, iaitu dengan menggalakkan penubuhan negara bangsa. Negara-negara yang rapat dengan Amerika diberitahu oleh Amerika bahawa, setelah tamatnya Perang Dunia II, mereka seharusnya berundur dari negeri-negeri yang mereka kuasai. Britain pun terpaksa mengumumkan, pada tahun 1943, ia akan berundur dari Tanah Melayu setelah tamatnya Perang Dunia II. Tetapi selepas pihak Jepun meyerah pada pertengahan bulan Ogos 1945, Parti Komunis Malaya telah merampas kuasa. Keadaan itu disedari oleh pihak British bila tentera British kembali ke Tanah Melayu pada awal bulan Sept. 1945 maka pihak British mengambil keputusan mereka tidak akan

membenarkan Tanah Melayu dikuasai oleh pihak komunis. Justeru itu mereka tidak akan berundur sehingga pihak komunis ditewaskan.

Selanjutnya pihak British pun mulai membawa tentera dari beberapa negeri di Empayar British: Afrika, Fiji, Australia dan New Zeland serta tentera British ke Tanah Melayu. Sementara itu Darurat isisytiharkan pada pertengahan tahun 1948. Pada tahun 1954, ternampak pihak komunis telah tewas maka persiapan dibuat untuk Tanah Melayu menjadi sebuah negara bangsa: pilihanraya persekutuan diperkenalkan buat kali pertama pada tahun 1955 dan, pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu muncul sebagai negara bangsa. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, pada dasarnya, mengandungi apa yang telah wujud sebelum tarikh itu.

Tanah Melayu mengamalkan sistem demokasi berparlimen: seperti Britain, Tanah Melayu turut menjadi sebuah monarki; hanya di Tanah Melayu ada sembilan orang Sultan/Raja. Oleh demikian maka diaturkan setiap lima tahun seorang daripada para baginda akan dilantik oleh Majlis Raja-Raja untuk menanggung jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Sebagaimana pada zaman dahulu, setiap kesultanan/kerajaan bergantung kepada adanya seorang Sultan/Raja yang merupakan lambang keutuhan 'negeri dan segala jajahan/daerah takluk nya' maka berdasarkan Perlembagaan 1957 yang menjadi lambang keutuhan Negara Bangsa Tanah Melayu adalah Sultan/Raja. Tambahan pula, di sebuah masyarakat berbilang kaum, Sultan/Raja sangat diperlukan sebagai pelindung semua rakyat. Tetapi rakyat mengambil masa yang agak lama untuk memahami sistem Tanah Melayu yang baru.

Oleh sebab itu apabila rusuhan kaum berlaku bukan hanya di Kuala Lumpur pada tahun 1969 tetapi juga tiga kali di Pulau Pinang sepanjang 1960an, pihak pemerintah di bahawa Mageran (kerana buat sementara Parliment digantung), usaha diadakan untuk mewujudkan suatu ideologi kebangsaan (seperti Pancasila di Indonesia) guna menjadi panduan kepada rakyat di Malaysia: maksudnya bukan hanya di Tanah Melayu, tetapi juga di Sarawak, Singapura dan Sabah kerana sejak Sept. 16, tahun 1963, negeri-negeri tersebut telah bergabung untuk mewujudkan Malaysia, sebuah negara bangsa baru

sebagai Malaysia. Kemudian Singapura dipecat kerana rusuhan kaum berlaku pada tahun 1965.

Ideologi kebangsaan Malaysia dinamakan **Rukun Negara** (akibat pengaruh Pancasila Indonesia). Ideologi itu memang diasaskan berdasarkan apa yang jelas sudah wujud di kalangan rakyat Malaysia.

Kerana majoriti penduduk di Malaysia mempunyai agama, ajaran agama dipercayai boleh memainkan peranan penting melahirkan rakyat yang tidak mempunyai watak yang liar maka prinsip pertama Tukun Negara ialah **Kepercayaan kepada Tuhan**. Pentingnya Sultan/Raja di Tanah Melayu khususnya juga amat jelas kerana sistem monarki telah wujud beberapa abad dan sistem inilah yang kemudian membawa kepada penubuhan negara bangsa. Tanpa institusi Sultan/Raja, proses membina negara bangsa pasti akan menghadapi banyak masalah: rakyat yang terdiri dari berbilang kaum, bukan hanya di Tanah Melayu, tetapi Sarawak dan Sabah juga, memang sukar digabungkan. Mereka perlu dididik supaya selalunya memberi **Kesetiaan kepada Raja dan Negara** maka itu adalah prinsip kedua Rukun Negara. Tanpa pstriotisme rakyat, sukar untuk sesebuah negara bangsa berkembang. Peranan Sultan/Raja pula adalah seperti dahulu: memberi perlindungan kepada agama serta negara dan warganegara.

Malaysia juga sejak abad ke-19 lagi diperkenalkan kepada gagasan undang-undang. Seperti negara-negara lain, Malaysia pun perlu dipandu oleh perlembagaan (seperti Johor pada tahun 1895 dan Terengganu pada tahun 1911). Perlembagaan pula bererti 'Undang-undang Tertinggi' sesebuah negara dan undang-undang lain yang bertentangan dengan Perlembagaan adalah tidak sah maka prinsip ketiga dan keempat Rukun Negara adalah:

Keluhuran Perelembagaan dan Kedaulatan Undang-undang.

Akhir sekali rakyat juga perlu diingatkan bahawa dalam masyarakat berbilang kaum, kerana terdapat agama dan budaya rakyat yang tidak sama maka memang sukar untuk rakyat bergaul dan berkongsi nilai sosial. Kerana itulah, amat penting untuk rakyat sentiasa cuba menyelesaikan masalah dan bukan mengadakan berkonfrontasi maka prinsip kelima ialah **Kesopanan dan Kesusilaan**.

Kalau sejarah Malaysia diperhatikan dari zaman dahulu hingga sekarang, yang ternyata ialah wujudnya sistem kesultanan/beraja. Kawasan Semenanjung Tanah Melayu memang kecil tapi sistem politik sangat kompleks. Sistem kerajaan/beraja telah wujud dengan lengkapnya pada penghujung abad ke-sembilanbelas walau pun sementara itu ada kuasa asing campurtangan. Kemudian sistem tradisional dapat menyerap unsur-unsur baru dan Malaysia kini mempunyai sistem monarki yang luarbiasa. Sultan/Raja di Malaysia bukan hanya merupakan lambang keutuhan negara bangsa tetapi para baginda adalah pelindung utama agama, negara dan rakyat jelata.



Y.Bhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim Fakulti Sejarah, Universiti Malaya.

Lahir di Kampar, Perak, pada tahun 1937. Kemudian belajar mula-mula di Sekolah Anglo-Chinese, Teluk Anson, kemudian Institusi St. Michael, Ipoh. Menjadi mahasiswa pada tahun 1956 di Universiti Malaya, Singapura. Lulus dengan B.A. Kepujian pada tahun 1960. Selepas itu mengajar empat setengah tahun di Sekolah Horley Methodist, Teluk Anson. Mula melibatkan diri dalam bidang kesarjanaan pada tahun 1964 di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya di Kuala Lumpur: memperolehi M.A. pada tahun 1967 dan Ph.D. pada tahun 1974. Sementara itu telah dilantik sebagai Pensyarah pada tahun 1967 dan Pensyarah Kanan pada tahun 1973. Dua tahun kemudian dilantik sebagai Profesor Sejarah Malaysia. Bersara secara rasmi pada tahun 1992 tetapi masih berkhidmat di Jabatan Sejarah secara kontrak. Pada tahun 1994, dilantik sebagai Pengarah Sukan, Universiti Malaya dan mengasaskan Pusat Sukan. Pada tahun 1996 kembali ke Jabatan Sejarah sebagai Prof. Kontrak. Tiga tahun kemudian dilantik sebagai Sarjana Pelawat di Institute of Defence and International Studies, Singapura. Bila kembali ke Malaysia pada pertengahan tahun 2000, meneruskan kerjaya sebagai Prof. Kontrak di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Sementara itu telah dilantik untuk menjadi Ahli pelbagai lembaga di peringkat nasional dalam bidang Pendidikan, Kesusastraan, dan Sukan. Juga pernah menjadi Ahli Lembaga MACC, Institusi Integriti Malaysia serta Jawatankuasa yang diberi tugas membincangkan pembentukan Rukun Negara. Dalam bidang akademik, pernah juga dilantik sebagai Penaksir Luar bidang Sejarah, Universiti Brunei, Universiti Sains Pulau Pinang dan Universiti Nasional Singapura. Tulisan-tulisan tentang Sejarah Malaysia pernah diterbitkan di dalam majalah-majalah di India, Jepun, Amerika, Filipina, Australia, New Zealand dan Hong Kong selain daripada majalah-majalah yang diterbitkan di Malaysia. Bilangan buku yang telah setakat ini diterbitkan hampir 100 naskah.